

Najib dakwa bekas pegawai bank itu boleh bersihkan namanya

# Bawa Leissner ke Malaysia

Um - 28/10/2021 mlS: 10

Oleh MOHD. HUSNI

MOHD. NOOR

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa pihak berkuasa Malaysia membawa bekas pegawai bank Goldman Sachs, Tim Leissner ke negara ini untuk disoal siasat berkait skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kehadiran individu berkenaan penting bagi membolehkan dirinya mendapatkan perceraian adil membabitkan kes 1MDB yang sedang dihadapinya.

Menurutnya, kehadiran Leissner adalah bukti penting bagi membantu membersihkan namanya daripada skandal kewangan 1MDB.

"Justeru, saya dinasihatkan dan terpenggil untuk membuat laporan Suruhanjaya Pencega-


han Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Leissner supaya pihak berkuasa Malaysia boleh membawanya ke negara ini untuk disoal siasat.

"Pada tahun lalu, Leissner mengaku salah di mahkamah bahawa dia pernah menyogok beberapa individu daripada syarikat 1MDB dan kerajaan Malaysia yang nama-namanya tidak didedah secara umum.

"Akibat pengakuan bersalah itu, syarikat Goldman Sachs bersetuju membayar ganti rugi sebanyak AS\$3.9 atau RM16.4 bilion kepada kerajaan Malaysia tahun lalu," katanya pada sidang akhbar di lobi SPRM di sini semalam.

Malah, katanya, pada awal tahun ini, peguamnya berjaya memenangi kes di Amerika Syarikat (AS) untuk mendapat senarai nama dalam pengakuan Leissner.

Bagaimanapun, Najib berka-



**NAJIB TUN RAZAK**

ta, kerajaan AS melalui Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) membantah keputusan mahkamah negara ini dan telah menghalang nama-nama tersebut didedahkan.

"Pada masa itu, seorang pe-

guam daripada syarikat guaman terkenal Brahman and Associates yang mewakili seorang lagi pengurus kanan Goldman Sachs, Roger Ng pernah mengeluarkan kenyataan media bahawa senarai nama tersebut adalah bukti *exculpatory* atau *exculpatory evidence* yang boleh membersihkan nama saya sebagai terlibat dalam penipuan 1MDB.

"Susulan itu, pada pertengahan tahun ini, barisan guaman saya juga pernah meminta mahkamah dan pihak pendakwaan untuk mendedahkan senarai nama tersebut tetapi usaha kami tidak kesampaian," katanya.

Katanya, beliau juga amat pelik kenapa kerajaan Malaysia dan pihak pendakwaan seolah-olah tidak ingin mengetahui dan mengambil tindakan terhadap nama-nama pegawai 1MDB dan kerajaan yang telah disogok oleh Leissner.